Artikel Penyelidikan

Keunikan Dan Keistimewaan Dikir Barat Dalam Mempertahankan Seni Budaya Kelantan; Mohd Razi Che Wil.

Wan Nursyaza Ainaa Wan Mazri[1], Wan Nurfitri Athirah Wan A. Azlan[2], Nurulannisa Abdullah[3*] dan Noor Arina Md Arifin[4]

1 Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020834192@student.uitm.edu.my;
2 Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020897162@student.uitm.edu.my;
3 Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; annisa@uitm.edu.my
4 Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my
* Correspondence: annisa@uitm.edu.my; +60193633936

Abstrak: *Artikel ini meliputi hasil kajian selepas temubual yang telah diadakan bersama lagenda dikir barat negeri Kelantan iaitu Mohd Razi Bin Che Wil atau lebih dikenali sebagai Rozi Kemang Berduri. Temubual ini bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut tentang pengalaman beliau terhadap keunikan dan keistimewaan dikir barat. Hal ini kerana, persembahan dikir barat ini tidak luput ditelan zaman dan sehingga kini dapat dilihat dikir barat masih menjadi simbolik atau tarikan di Negeri Kelantan. Namun dengan adanya dikir barat moden, kedudukan seni budaya dikir barat menjadi goyah. Justeru itu, Mohd Razi Bin Che Wil merupakan salah seorang penggiat seni dikir barat sebagai Tok Juara iaitu dalam bidang nyanyian. Oleh yang demikian sepanjang bergelar Tok Juara, pelbagai lagu telah dinyanyikan dan dihasilkan oleh beliau. Lagu -lagu beliau juga masih menjadi pilihan generasi muda untuk dinyanyikan dalam persembahan dikir barat. Beliau juga telah dianugerahkan "Ikon Tok Juara" di Malam Himpunan Dikir Barat 2022 oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan (MKNK) serta kerjasama Persatuan Dikir Barat Negeri Kelantan (PENDIKIR), pandangan beliau berkaitan dengan keunikan dan keistimewaan disebalik dikir barat ini amat berharga, dan temubual ini juga sekaligus tertumpu kepada latar belakang dan sumbangan beliau di dalam dikir barat. Temubual ini memberikan pengetahuan yang dapat membuka minda generasi muda untuk mempertahankan lagi budaya Dikir Barat yang sedia ada bukan sahaja di negeri Kelantan, malah di negeri-negeri seluruh Negara Malaysia.*

Kata kunci: Rozi Kemang Berduri, Dikir barat, Keunikkan,Keistimewaan, Dikir Barat Moden

Copyright: © 2026 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

1. PENGENALAN

Dikir Barat merupakan sejenis persembahan yang biasanya dipersembahkan secara berkumpulan. Seorang Tukang Karut iaitu ketua dan Tok Juara akan mengetuai nyanyian, dan awak-awak akan menjadi suara latar dengan suara yang kuat dan lantang. Alat muzik popular yang digunakan dalam persembahan jenis ini termasuk rebana ibu dan anak dan tetawak.

Berdasarkan kamus Dewan Edisi Keempat, dikir barat ditakrifkan sebagai KI lagu iaitu nyanyian beramai-ramai sambil berbalas-balas pantun. Manakala maksud bagi dikir pula yang ditakrifkan di dalam Kamus Pelajar Edisi Kedua ialah ucapan atau doa untuk memuji-muji Allah iaitu

selalunya berlagu. Selain itu, lagu iaitu nyanyian dengan berpantun yang dinyanyikan beramai-ramai. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, tukang karut ditakrifkan sebagai orang yang paling penting dalam persembahan dikir barat yang menyampaikan lagu dan pantun secara spontan dan agak rancak. Takrif bagi juara dikir pula di dalam Kamus Dewan Keempat ialah KI tukang karut dan tukang lagu dalam dikir barat.

Dikir Barat merupakan sejenis hiburan rakyat yang popular di banyak negara. Ia biasanya dilakukan oleh sekumpulan sekitar 15 hingga 25 orang dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pemuzik yang memainkan alat dan penyanyi yang menyanyikan lagu tersebut. Dikir barat adalah tradisi perayaan yang telah menjadi popular di pelbagai bahagian dunia. Ia adalah satu cara untuk menyatukan manusia dan mewujudkan masyarakat yang harmoni. Dahulu, ia penting dan berkembang di kampung dan kampung, tetapi kini ia menjadi popular di bandar-bandar juga. Ia sering digunakan dalam upacara dan acara, malah ia dilakukan di peringkat antarabangsa

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Persembahan Dikir barat menjadi salah satu aktiviti kemasyarakatan dan sejenis hiburan khususnya di Negeri Kelantan. Secara tidak langsung ianya menjadikan Dikir Barat salah satu kebudayaan atau tarikan yang tidak asing lagi di Negeri Kelantan. Sebut sahaja Negeri Kelantan, perkara pertama yang terlintas di benak fikiran adalah Dikir Barat. Seolaholah Dikir Barat ini menjadi salah satu mercu tanda untuk Negeri Kelantan yang dapat mencuri tumpuan umum.

Sehubungan dengan itu ,dapat dilihat Dikir barat mempunyai nilainya yang tersendiri telah memberikan bayangan awal bahawa ianya pasti mempunyai keunikan dan keistimewaannya. Sudah tentu keunikan dan keistimewaan Dikir barat ini diketahui terperinci oleh insan-insan yang sudah lama bergiat dalam bidang Dikir barat. Namun, dengan kemunculan Dikir Barat moden telah menimbulkan kegusaran. Ini dapat dilihat, banyak Dikir barat moden dihasilkan atau muncul ibarat cendawan tumbuh selepas hujan di platform- platform seperti di dalam YouTube dan sebagainya.

Perbezaan yang terdapat di dalam Dikir Barat tradisional dan Dikir Barat moden adalah cukup ketara. Antara perbezaan yang dapat dilihat ialah dari segi peralatan yang digunakan, cara dikir barat itu dipersembahkan, cara penyampaian dan sebagainya. Ini boleh memberikan kesan terhadap keunikan dan keistimewaan yang sedia ada dalam Dikir barat di Negeri Kelantan. Bukan itu sahaja, kemunculan Dikir barat moden ini boleh menghakis minat golongan masyarakat terutamanya golongan muda terhadap dikir barat dek kerana rentak muzik dikir barat moden itu sendiri yang seiring dengan peredaran zaman dapat menambat jiwa golongan muda. Boleh dikata dikir barat moden merupakan persaingan kepada dikir barat traditional. Secara tidak langsung ianya dapat mengambil kedudukan dikir barat tradisional jika dikir barat tradisional jika ia tidak dipertahankan.

Permasalahan yang timbul dalam kajian ini ialah kesukaran untuk mendapati bahan rujukan yang khusus berkaitan dengan keunikan dan keistimewaan dikir barat. Sudah tentu, keunikan dan keistimewaan dikir barat tidak diketahui dengan jelas dan lama-kelamaan keaslian yang ada di dalam dikir barat tidak dapat dipelihara dan akan luput dek ditelan zaman. Malah, banyak surat khabar atas talian memaparkan berkaitan dengan dikir barat. Contohnya, berita dikongsi oleh pihak Kosmo, "Jangan biar seni budaya Kelantan ditelan zaman". Oleh itu, kajian ini telah dijalankan dengan harapan keaslian dan seni budaya yang mengalir dalam dikir barat dapat dipertahankan sepanjang zaman dimana kajian ini dapat mendedahkan secara terperinci keunikan dan keistimewaannya sekaligus membuatkan mereka akan lebih menghargai Dikir Barat yang sedia ada dan mempertahankan seperti mana orang-orang yang terdahulu membawa Dikir Barat sehingga ianya masih dikenali dan dipersembahkan pada zaman sekarang.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan permasalahan kajian yang dinyatakan seperti diatas. Objektif di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

a) Mengenal pasti keunikan dan keistimewaan yang ada di dalam Dikir barat.

b) Mengenal pasti perbezaan di antara Dikir barat dengan Dikir barat moden.

c) Mengetahui sama ada kemunculan Dikir barat moden memberikan kesan yang mendalam kepada Dikir Barat.

4. PERSOALAN KAJIAN

Dari beberapa objektif yang dinyatakan di atas, maka persoalan yang dicari adalah:

a) Apakah keunikan dan keistimewaan yang terdapat di dalam Dikir Barat?

b) Adakah terdapat perbezaan antara Dikir Barat tradisional dan dikir barat moden?

c) Adakah persaingan antara Dikir Barat moden memberi kesan kepada Dikir Barat tradisional?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini memberikan impak serta sumbangan yang signifikan kepada generasi akan datang, khususnya dalam usaha melestarikan keunikan dan keistimewaan kesenian dikir barat agar nilai estetiknya terus terpelihara pada masa hadapan. Di samping itu, penyelidikan ini turut berfungsi sebagai medium untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai kelangsungan warisan seni tradisional ini di Malaysia.

Secara tidak langsung, inisiatif ini berupaya memupuk minat serta menyemarakkan semangat generasi masa kini untuk lebih mengenali dan menghargai khazanah budaya tempatan. Pada masa yang sama, dapatan kajian ini juga dapat membuka perspektif masyarakat bahawa kesenian dikir barat sebenarnya telah mendapat pengiktirafan dan berkembang melangkaui sempadan negara hingga ke peringkat antarabangsa.

6. TINJAUAN LITERATUR

Seperti yang sedia maklum, Dikir barat merupakan warisan yang begitu sinonim di dalam jiwa kalangan masyarakat di Malaysia terutamanya masyarakat di Kelantan. Seolah olah ia telah menjadi satu kewajipan untuk mempunyai minat dalam Dikir barat. Namun, mempunyai jiwa dalam meminati Dikir Barat ini adalah datang sejak azali lagi dan bergantung kepada diri masing-masing. Selain itu adanya program-program berkaitan Dikir Barat yang kerap diadakan di Negeri Kelantan seperti 'program merakyatkan seni Dikir Barat', Arkib Negara (2009). Tambahan pula, perkembangan Dikir Barat lebih melonjak daripada warisan tradisional yang lain membuatkannya menjadi lebih terkenal sehingga mempunyai pertandingan dikir barat yang telah disiarkan di kaca televisyen seperti Pertandingan Dikir Barat 2022 di RTM. Malah, Dikir barat juga dapat berada seiring dengan muzik muzik Tanah air. Menurut Abd Aziz Shuib, Dikir Barat berupaya bersaing dengan muzik zaman moden.

Sementara itu, kemunculan Dikir Barat moden yang sedang melonjak naik sedikit banyak menggugat keaslian Dikir Barat itu sendiri. Menurut Shaipuddin Muhammad (2014), seni budaya iaitu

Dikir barat yang diangkat sebagai warisan telah menghadapi cabarancabaran dan mengalami perubahan seperti cara persembahan, lagu-lagu dan muzik yang dimainkan dalam dikir barat tersebut. Sebagai contoh, pendikir Dikir barat moden boleh bergerak secara solo untuk melakukan persembahan. Kebanyakan persembahan mereka hanya bergantung kepada minus one sahaja tanpa memerlukan mereka untuk bergerak secara kumpulan. Kemudian, dengan kemunculan Dikir barat moden juga telah menarik minat masyarakat di Kelantan terutama golongan muda yang mementingkan inovasi contohnya mereka lebih gemar akan muzik serta irama dalam Dikir barat moden telah ditransformasikan berbanding Dikir Barat tradisional (Aizza Azam, 2022). Tambahan pula, menurut Moka (2011), seni asli dikir barat adalah tanpa adanya muzik moden. Semua perubahan yang berlaku adalah kerana adanya penghijrahan Dikir Barat Kelantan ke Singapura yang menyebabkan keaslian Dikir Barat yang sedia ada digubah (Noorhaqmal Mohammed).

Seiring dengan peredaran zaman kini, Dikir barat mengalami transformasi yang tersendiri. Menurut Azuwan Ahmad (2022), wujudnya percubaan revolusi tradisi Dikir Barat dimana Dikir Barat digabungkan dengan elemen teknologi dalam persembahan iaitu di dalam Dikir Barat 'Sentuhan Teknologi' Kisah Hang Tuah. Namun seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, ianya boleh mengugat keaslian Dikir Barat tersebut. Ini sekaligus mewujudkan kebimbangan di kalangan penggiat seni Dikir Barat (Muhammad Ubaidillah, 2014).

Berikutan ini, melihat kepada transformasi Dikir Barat telah membuka mata para penyelidik untuk mengkajinya dengan lebih mendalam. Seni budaya seperti Dikir Barat ini harus dikekalkan sebaik mungkin (Khadijah Razaki, 2017). Hal ini kerana, keaslian Dikir barat adalah sesuatu nilai yang amat berharga dari segi iramanya, paluan alat muzik tradisional dimana ianya harus dikekalkan sebagai warisan sampai bila-bila. Oleh yang demikian, dengan menjalankan kajian untuk mengetahui keunikan dan keistimewaan Dikir Barat dapat membuka lagi mata dengan memberikan pendedahan secara menyeluruh tentang Dikir barat ini. Bukan sahaja menghargai, menghayati irama dan lagu yang dipersembahan dalam Dikir barat,memartabatkan dan mempertahankan seni budaya Dikir barat yang amat tinggi nilainya ini.

7. METODOLOGI

Sejarah lisan merupakan sejenis penyelidikan yang membantu untuk mempelajari lebih lanjut tentang sejarah dengan menemu bual orang yang pernah mengalaminya secara langsung. Maklumat ini amat penting apabila ia datang untuk mengesahkan kebenaran fakta sejarah tentang sesuatu perkara. Seterusnya, sejarah lisan ini dapat membantu dalam mendapatkan maklumat tentang sejarah bertulis. Kaedah sejarah lisan juga dapat menyimpan informasi tentang masa lampau walaupun situasi tersebut sudah lama berlaku. Kaedah ini bertujuan untuk mengetahui dan memelihara pengetahuan ataupun kisah daripada orang yang ditemu bual melalui pengkisahan. Sejarah lisan adalah cara untuk mengumpulkan informasi tentang peristiwa dari orang-orang yang pernah mengalaminya secara langsung.

Kaedah ini telah melibatkan proses temubual dan merakam kedalam pita tentang keterangan yang diambil oleh orang yang ditemu bual untuk menyelidiki tentang apa yang ingin dikaji sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam kisah itu atau sekadar menyaksikannya. Untuk mendapatkan informasi daripada orang yang ditemuduga berkaitan dengan apa yang ingin dikaji, ianya boleh didapati melalui daripada ingatan seseorang, kertas, diari, gambar dan sebagainya.

Tokoh yang telah dipilih ialah Mohd Razi bin Che Wil atau lebih dikenali sebagai Rozi Kemang Berduri. Tokoh dipilih dengan cara membuat penyelidikan terlebih dahulu berkaitan dengan penggiat-penggiat di dalam bidang dikir barat ini. Penyelidikan ini dibuat menerusi sumber rujukan iaitu laman web dan media sosial. Menerusi laman web, dilampirkan senaraisenarai para pendikir dalam bidang

Dikir Barat serta penganugerahan yang diterima iaitu di Malam Himpunan Dikir Barat 2022 oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan (MKNK) serta kerjasama Persatuan Dikir Barat Negeri Kelantan (PENDIKIR). Mohd Razi bin Che Wil merupakan salah seorang pendikir yang mendapat anugerah iaitu dianugerahkan sebagai 'Ikon Tok Juara'. Berikutan itu menerusi penyelidikan tersebut, beliau telah dipilih.

Untuk kajian ini, beliau dipilih kerana beliau merupakan seorang penggiat dalam bidang Dikir barat yang telah lama berkecimpung dalam Dikir barat ini dan masih aktif dalam berdikir. Sekaligus menunjukkan beliau berpengalaman dalam bidang dikir barat ini. Selain itu, beliau dipilih kerana beliau telah mendapat penganugerahan sepanjang berkecimpung dalam Dikir barat. Seterusnya, beliau berasal dari Setiu Terengganu dan menetap di Jalan Kampung Laut 2, Kelantan. Beliau juga mempunyai kepakaran bukan sahaja dalam Dikir barat malah Dikir Labo, mahir dalam bermain peralatan muzik Dikir Barat dan merupakan seorang pencipta lagu-lagu dikir barat.

Prosedur kajian yang akan dijalankan bagi menyelesaikan kajian ini adalah dengan:

a) Mengenalpasti masalah
b) Pemilihan tokoh untuk di temubual
c) Membuat soalan temubual untuk tokoh yang akan di temubual.
d) Berjumpa dengan pensyarah untuk berbincang mengenai soalan-soalan temubual dan pemilihan tajuk untuk mengadakan temubual bersama tokoh
e) Memohon kebenaran untuk mengadakan temubual bersama tokoh
f) Pengumpulan data
g) Menganalisis data
h) Menyediakan laporan akhir

Prosedur pengumpulan data bagi kajian ini adalah dengan kaedah temubual. Temu Bual dijalankan dengan adanya penemubual dan orang yang di temubual. Melalui kaedah temu bual, informasi dapat diperoleh oleh penemu bual secara langsung kerana dengan kaedah penceritaan dan perasaan disampaikan oleh orang yang di temubual. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan informasi dari segi fakta, perasaan, kepercayaan dan kehendak yang diperlukan untuk mencapai objektif kajian. Temubual ini telah dilakukan secara langsung dengan orang yang bergiat dalam seni dikir barat supaya beliau dapat menceritakan lebih lanjut mengenai seni budaya Dikir Barat Negeri Kelantan ini. Manakala, platform yang telah digunakan bagi proses untuk mendapatkan maklumat bagi kaedah temubual ini adalah dengan temubual secara bersemuka yang diadakan di rumah beliau sendiri di Jalan Kampung 2, Kelantan.

8. HASIL KAJIAN

Kajian Literatur

Dapatan daripada sorotan kajian literatur menunjukkan bahawa minat terhadap seni dikir barat dapat dipupuk seawal usia kanak-kanak sekiranya golongan ini diberikan pendedahan awal oleh ibu bapa serta persekitaran mereka. Penganjuran pelbagai program yang berkaitan dengan warisan seni dikir barat berupaya membuka mata serta menyentuh penghayatan masyarakat terhadap nilai estetika kesenian tersebut.

Seterusnya, perkembangan dikir barat pada masa ini memperlihatkan penerimaan yang semakin meluas sehingga menembusi persada antarabangsa, khususnya di Singapura. Walau bagaimanapun, kesenian tersebut lebih dikenali melalui versi Dikir Barat Singapura yang telah melalui proses penggubalan dan pengubahsuaian daripada bentuk asalnya. Situasi ini sememangnya membantu memperkenalkan dikir barat kepada khalayak berbilang bangsa dan agama, namun pada hakikatnya keaslian dikir barat tradisional yang sebenar kurang terserlah. Di sebalik cabaran tersebut, dikir barat

kekal menjadi kebanggaan negara Malaysia sebagai salah satu warisan budaya tempatan yang memiliki keistimewaan tersendiri dan mampu berdiri seiring dengan genre seni muzik yang lain.

Namun begitu, keistimewaan dan keunikan seni dikir barat kini berdepan ancaman penghakisan akibat perubahan pada gaya persembahan, gubahan lagu, serta susunan muzik yang dimainkan. Penambahan elemen luar secara berlebihan telah menggugat keaslian seni ini sehingga dikhuatiri bakal dilupakan oleh generasi akan datang. Justeru, keaslian dikir barat perlu dipelihara demi kelangsungan masa hadapan agar generasi pewaris dapat mengenali dan menghargai warisan seni yang telah diperjuangkan oleh tokoh-tokoh terdahulu.

Temu Bual

Berdasarkan sesi temu bual yang dijalankan bersama seorang penggiat seni dikir barat, Mohd Razi Che Wil atau lebih dikenali sebagai Rozi Kemang Berduri, kesenian ini disifatkan sebagai antara seni persembahan yang paling unik di Malaysia. Keunikan tersebut dapat dihayati menerusi alunan lagu dan irama muziknya yang mempunyai kehalusan serta kelembutan tersendiri. Selain itu, mesej yang disampaikan melalui bait-bait lirik lagu dikir barat bersifat telus, mudah difahami, dan mampu diterima oleh segenap lapisan masyarakat. Dari aspek keistimewaan pula, penggunaan alat muzik tradisional seperti gendang atau rebana menghasilkan bunyi dengan aura tersendiri yang tidak terdapat dalam persembahan seni budaya lain. Kehalusan dikir barat tradisional ini bukan sekadar bergantung pada alunan muzik semata-mata, malah lahir daripada penghayatan mendalam pemuzik dan pendendang yang menyampaikan persembahan dengan sepenuh jiwa.

Di samping itu, tidak dapat dinafikan bahawa dikir barat tradisional kini berhadapan dengan persaingan sengit susulan kemunculan dikir barat moden. Perbezaan paling ketara antara kedua-dua aliran ini terletak pada penggunaan instrumen muzik; dikir barat moden mengaplikasikan alat muzik kontemporari seperti dram, gitar, dan papan nada (keyboard), berbeza dengan dikir barat tradisional yang mengekalkan penggunaan gong serta gendang. Menurut Mohd Razi Che Wil, penyerapan elemen muzik moden secara langsung menghakis identiti asal kesenian tersebut, meskipun persembahan dikir barat moden masih mengekalkan penggunaan dialek Kelantan dalam penyampaian lagunya.

Sehubungan dengan itu, sekiranya isu ini dipandang ringan, dikir barat tradisional dikhuatiri tidak mampu dipertahankan dan akan pupus secara beransur-ansur pada masa hadapan. Khazanah seni ini wajar dipulihara sebaik mungkin agar tidak dimanipulasi oleh pihak yang kurang memahami nilai estetika asalnya demi mengikut arus peredaran zaman semata-mata. Oleh yang demikian, usaha memberikan pendedahan mengenai keunikan dan keistimewaan dikir barat tradisional amat penting buat generasi muda, khususnya golongan pelapis, supaya mereka menyedari ketinggian nilai keaslian seni ini dan berusaha mempertahankannya sebagai warisan turun-temurun untuk generasi akan datang.

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, dikir barat merupakan salah satu bentuk kesenian yang berperanan menyatupadukan masyarakat serta mewujudkan keharmonian sosial. Secara umumnya, persembahan dikir barat menjadi wadah aktiviti kemasyarakatan dan hiburan rakyat yang sangat sinonim dengan budaya serta tarikan pelancongan di negeri Kelantan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka keunikan dan keistimewaan dikir barat secara terperinci agar dapat memberikan pendedahan menyeluruh kepada masyarakat, sekali gus memupuk rasa penghargaan dan komitmen untuk mempertahankannya. Di samping itu, kajian ini turut mengenal pasti perbezaan antara dikir barat tradisional dengan dikir barat moden serta menilai sejauh mana kemunculan aliran moden tersebut memberikan impak terhadap kelangsungan seni dikir barat asal.

Dari sudut pernyataan masalah, kemunculan dikir barat moden telah menimbulkan kegusaran dalam kalangan penggiat dan generasi terdahulu dalam bidang kesenian ini. Situasi ini berpunca daripada tindakan pihak tertentu yang menggubah semula lagu-lagu dikir barat dan menyuntik

elemen moden sehingga mengubah struktur asalnya. Sebagai contoh, persembahan dikir barat tradisional lazimnya dilaksanakan secara berkumpulan dalam formasi yang teratur, namun pendekatan dikir barat moden membolehkan lagu-lagu tersebut dipersembahkan secara solo. Sekiranya fenomena ini tidak dibendung, hakisan terhadap keaslian seni budaya Kelantan ini dikhuatiri akan menjadi semakin kritikal. Justeru, perkongsian pandangan daripada penggiat seni dikir barat Kelantan amat signifikan dalam memberikan pendedahan serta kesedaran kepada masyarakat, khususnya generasi muda, agar warisan budaya ini terus terpelihara dan berkekalan sepanjang zaman.

RUJUKAN

Nota: Selaras dengan konvensyen gaya APA ed. ke-7, komunikasi peribadi (temu bual bersama informan) dipetik secara dalaman teks sahaja dan tidak disenaraikan dalam senarai rujukan berikut.

(2021). Dikir Barat. PORTAL RASMI KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL. https://www.kkmm.gov.my/foto/65-bahankpkk/dokumen/542-dikir-barat

Aizza Azam (2021). Kajian Tentang Penerimaan Generasi- Z terhadap Seni Warisan Dikir Barat di Negeri Kelantan. http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3941/1/C18A0031%20AIZZA%20HUSNA%20BINTI%20MOHD%20AZAM.pdf

Arkib (2009). Program Merakyatkan Seni Dikir Barat. https://ofa.arkib.gov.my/ofa/group/asset/1046180

Azuwan Ahmad (2022, November 8). Percubaan revolusi tradisi Dikir Barat. Bandar Aktiviti Seni. https://baskl.com.my/percubaan-revolusi-tradisi-dikir-barat/

Khadijah Razaki (2017, September 13). Usaha Mengekalkan Budaya pelbagai Kaum. http://khadijahrazaki.blogspot.com/2017/09/usaha-mengekalkan-budaya-pelbagaikaum.html

Mohd Shazwan Yusop (2021, Julai 22). Jangan biar seni budaya Kelantan ditelan zaman. Kosmo. https://www.kosmo.com.my/2021/07/22/jangan-biar-seni-budaya-kelantanditelan-zaman/

Muhammad Ikhram Fadhly Hussin (2022, Mei 23). Kelantan Berikan Penghargaan kepada Pendikir Barat. Dewan Budaya. https://dewanbudaya.jendeladbp.my/2022/05/23/1904/ Muhammad Ubaidillah Mohd Rapi (2014). Dikir Barat dari Segi Transformasi. Pengurusan Seni. https://ir.unimas.my/18736/1/Dikir%20Barat%20dari%20segi%20transformasi%20(2 4%20pages).pdf

Shaipuddin B Muhammad (2014). Analisis Muzik Dan Persembahan Dikir Barat Di Kelantan – Satu Penilaian Dan Persepsi Masa Hadapan. International Journal of Creative Futures and Heritage, 2(2), 49-61. http://ijcfh.umk.edu.my/images/TENIATVol2Issue2-2014/TENIAT,%20Vol%202,%20Issue%202,%20pp%2049-61.pdf